

22/06/1999

Pantai Holdings kaji ambil alih dua hospital

PANTAI Holdings Bhd (Pantai Holdings), antara syarikat utama menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan bersepadu di negara ini, sedang menimbang tawaran dua pengurusan hospital swasta di Lembah Klang untuk mengambil alih pengurusan mereka.

Ketua Eksekutif Kumpulan, Bahagian Operasi Hospital syarikat itu, Datuk Dr Ridzuan Abu Bakar, berkata tawaran itu dibuat berikutan ketidakmampuan dua pihak terbabit menanggung kos pengurusan dan pentadbiran, akibat kegawatan ekonomi.

"Sehingga kini kita menerima dua tawaran daripada pengurusan hospital di Lembah Klang yang mahu kita mengambil alih pengurusan daripada mereka kerana tidak mampu menanggung kos.

"Kita sedang menimbang permohonan itu," katanya selepas majlis perasmian Hospital Pantai Putri di Ipoh, semalam.

Perasmian hospital berharga RM41 juta termasuk kelengkapan itu dilakukan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng. Hospital itu dibina di tapak seluas 121,184 kaki persegi di persimpangan Jalan Tambun dan Jalan Sultan Azlan Shah.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar negeri, Datuk Lee Chee Leong yang mewakili Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib; Pengerusi Eksekutif Pantai Holdings Bhd, Mokhzani Mahathir; Pengerusi Lembaga Pengarah Paloh Medical Centre Sdn Bhd, Datuk Mohd Annuar Zaini.

Pantai Holdings kini memiliki lima hospital iaitu Pantai Medical Centre, Pantai Klang Specialist Medical Centre, Pantai Cheras Medical Centre di Lembah Klang, Hospital Pantai Putri Ipoh dan Hospital Pantai Mutiara di Pulau Pinang.

Kumpulan itu juga baru-baru ini mengambil alih pengurusan dengan kepentingan 70 peratus dalam Air Keroh Medical Centre di Melaka.

Dr Ridzuan berkata, pihaknya juga secara tidak rasmi diminta berbuat demikian oleh beberapa pengurusan lain termasuk di luar Lembah Klang, berikutan kesukaran ekonomi.

Menurutnya, menjadi lumrah dalam sektor perkhidmatan kesihatan memerlukan peruntukan begitu besar.

(END)